

## **PENGLIBATAN PROGRAM UPSKILLING DAN KEBIMBANGAN KERJAYA TERHADAP KESEDIAAN BEKERJA DALAM KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR**

<sup>1</sup>Mohd Faqhrullah Khamis

<sup>2</sup>Getrude Cosmas

<sup>1&2</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>mohdfaqrullah@gmail.com, <sup>2</sup>getrudec@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 19 Mei 2023 / Tarikh diterima: 14 Jun 2023

**Abstrak** Penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia telah memberi kesan yang tragis buat seluruh masyarakat global termasuklah masyarakat di Malaysia. Penularan wabak COVID-19 ini juga telah melumpuhkan sektor-sektor utama seperti sektor pendidikan, ekonomi dan perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, penawaran pekerjaan menjadi terhad ekoran daripada persaingan dalam mendapatkan pekerjaan akibat daripada berlakunya penularan wabak COVID-19 ini. Terdapat segelintir pelajar tahun akhir di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang tidak bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan kerana mereka terlalu memikirkan persaingan yang sengit untuk mendapatkan pekerjaan apabila mereka tamat pengajian kelak. Jumlah pengangguran yang meningkat dan tawaran pekerjaan yang terhad juga menyebabkan kerisauan dan kebimbangan pelajar tahun akhir IPT semakin meningkat. Untuk mendepani cabaran ini, Pelajar tahun akhir hendaklah lebih bersedia dengan melibatkan diri dalam program *upskilling*. Dengan menyertai program tersebut, pelajar dapat meningkatkan beberapa kemahiran mereka seperti kemahiran berkomunikasi, berfikiran kritis, kreativiti dan kemahiran dalam kumpulan. Makalah ini membincangkan tentang pengaruh penglibatan program *upskilling* dan kebimbangan kerjaya terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen bagi kajian ini mengandungi 41 jumlah item. Seramai 345 orang responden dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT di Sabah terlibat dalam kajian ini. Hasil analisis mendapati penglibatan pelajar dalam program *upskilling* membantu pelajar untuk lebih bersedia dalam pencarian pekerjaan yang selesa dan lebih baik. Disamping itu, kajian ini juga mendapati semakin tinggi kebimbangan kerjaya masa hadapan pelajar, maka semakin tinggi kesediaan mereka untuk bekerja. Secara keseluruhannya, isu yang dibincangkan dalam kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar tahun akhir dengan melibatkan diri dalam program *upskilling* agar lebih bersedia dalam pencarian pekerjaan kelak.

**Kata kunci:** Program *Upskilling*, kebimbangan kerjaya, kesediaan bekerja, pelajar tahun akhir IPT, pandemik COVID-19

**Abstract** The spreading of COVID-19 around the world had a tragic effect on the entire global community include the community in Malaysia. The spreading of COVID-19 also has disabled main sectors such as education, economy, and service sectors. Besides, job offers have become limited due to the competitiveness in getting jobs because of the spreading of COVID-19. There are a few final year students in Higher Education Institutions (HEIs) not prepared to face careers life because of they are thinking about the intensity of getting a job upon graduation. The increase of unemployment and limited job offers also caused worries and career anxiety among final year student's in HEIs increased. To overcome these challenges, final year student's need to be more prepared by engaging in the upskilling programs. By participating in these programs, student's can improve some of their skills such as communication, critical thinking, creativity, and group skills. This paper discusses the effects of final year student involvement in upskilling programs and their career anxiety on readiness to work. This study is quantitative research using a survey method. The instruments of this study contain a total of 41 items. A total of 345 respondents among final year student's of HEIs in Sabah were involved

*in this study. The analysis found student's involvements in upskilling programs may help student's to be more prepared and seek more comfortable and better job. In addition, this research also found the higher the student's career anxiety, the higher their readiness to work. Overall, the issues discussed in this study are expected to help final year student's by participating in upskilling programs and they are more ready in finding jobs in future.*

**Keywords:** *Upskilling programs, Career Anxiety, Readiness to work, Final year student's, COVID-19 pandemic*

## PENDAHULUAN

Penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia telah memberi kesan yang tragis kepada seluruh masyarakat global termasuklah masyarakat di Malaysia. Penularan wabak COVID-19 telah melumpuhkan sektor-sektor utama seperti sektor pendidikan, ekonomi dan perkhidmatan. Pandemik COVID-19 menjadi satu cabaran baru kepada sektor pendidikan dalam menjalankan sesi Pelajaran & Pembelajaran (P&P) secara dalam talian. Begitu juga pemegang taruh syarikat perniagaan dan perusahaan yang terpaksa menggulung tikar ekoran kesukaran mendapatkan pelanggan. Ekoran daripada penularan wabak COVID-19, pandemik ini telah menyebabkan kebanyakan pekerja hilang pekerjaan dan menganggur (Anuar Shah, 2020).

Akibat daripada kesukaran mencari pekerjaan dalam tempoh pandemik COVID-19, terdapat pelajar yang mempunyai masalah kebimbangan mencari pekerjaan setelah bergraduat. Jumlah penganggur di Malaysia pada Mei 2022 adalah seramai 637.7 ribu orang. Walaupun berlakunya pengurangan jumlah penganggur di Malaysia pada tahun sebelumnya iaitu 649.3 ribu (DOSM, 2022). Namun begitu, jumlah pengangguran di Malaysia di awal kemunculan wabak COVID-19 mencatatkan jumlah sebanyak 777.5 ribu orang dan seramai 99,696 orang yang bekerja diberhentikan kerja akibat penularan wabak ini (Hasimi, 2020; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Pertambahan jumlah pekerja yang diberhentikan telah membuatkan kebimbangan dan kerisauan bagi semua pihak terutamanya dalam kalangan pelajar tahun akhir di Universiti. Hal ini kerana jumlah graduan yang dihasilkan oleh Universiti dan Kolej adalah sebanyak 200,000 orang dalam masa setahun (*Institute for Research & Development of Policy (IRDP)*).

Sehubungan dengan itu, penawaran pekerjaan menjadi terhad ekoran daripada persaingan dalam mendapatkan pekerjaan kepada individu yang berkelayakan. Jumlah pengangguran yang meningkat dan tawaran pekerjaan yang terhad menyebabkan tahap kebimbangan pelajar tahun akhir semakin meningkat. Secara umumnya, kebimbangan adalah sebuah gangguan psikologi dimana kebimbangan ini merupakan sebuah perasaan tidak selesa, takut, resah dan gementar. Menurut *National Institute of Mental Health*, terdapat beberapa jenis kecelaruan kebimbangan antaranya kecelaruan kebimbangan umum (*Generalised Anxiety Disorder*), kecelaruan kebimbangan sosial (*Social Anxiety Disorder*), kecelaruan kebimbangan Kompulsif (*obsessive compulsive disorder*), kecelaruan Panik (*panic disorder*), kebimbangan Post-Trauma (*Post Traumatic Stres Disorder*), fobia dan kemurungan.

Kebimbangan kerjaya menyukarkan pelajar untuk mendapatkan pekerjaan dalam tempoh pandemik. Hal ini kerana, kebimbangan akan mempengaruhi kesediaan untuk menceburi bidang pekerjaan. Hal ini jelas di mana menurut Mohd Shafry Mohd Rahim (2020) bakal graduan perlu bersedia untuk menghadapi cabaran ini seperti persaingan untuk mendapatkan pekerjaan dan juga kreativiti mereka untuk menempuh cabaran pasca pandemik ini. Graduan perlu mahir dan kreatif dalam pencarian dan juga penciptaan pekerjaan. Di samping itu, pelajar juga hendaklah mengenalpasti kemahiran baharu yang diperlukan dalam industri untuk dijadikan sebagai satu nilai tambah untuk dipilih bekerja di dalam sesebuah syarikat. Menurut Wafi dan Sharifah Rohayah (2020), kebimbangan pelajar tahun akhir

terhadap kerjaya masa hadapan dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya kehidupan yang mencabar dan persaingan antara satu sama lain.

Kebimbangan pelajar tahun akhir terhadap kerjaya masa hadapan dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya pelajar kurang berkeyakinan terhadap bidang yang diambil dapat menjamin masa hadapan mereka dengan baik atau tidak (Ferlis *et al.*, 2009). Selain itu, terdapat pelajar yang mengalami tekanan akibat memikirkan perancangan mereka selepas bergraduasi (Nur Hamizah *et al.*, 2018). Hal ini selari dengan pendapat Muhammad Wafi dan Sharifah Rohayah (2020) di mana pelajar tahun akhir beranggapan bahawa kehidupan mereka akan lebih mencabar dan wujud persaingan antara satu sama lain.

Kerisauan dan kebimbangan pelajar tahun akhir dapat dikurangkan sekiranya mereka sering menyertai program-program yang dapat meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Dengan menyertai program sedemikian, pelajar akan lebih bersedia untuk mendapatkan pekerjaan. Program *upskilling* adalah satu proses untuk mendapatkan kecekapan yang relevan dan baharu yang diperlukan dalam pekerjaan pada hari ini dan masa akan datang. Sebagai contoh, penganjuran Program *upskilling*, pelajar akan memperoleh pengalaman dan lebih bersedia untuk mendapatkan pekerjaan dan mereka mempunyai tahap ketahanan sendiri yang tinggi dalam menghadapi cabaran kebolehpasaran.

Justeru itu, dalam usaha untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran kebolehpekerjaan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga telah memperkenalkan beberapa program *upskilling* (peningkatan kemahiran) dan juga *reskilling* (latihan semula) untuk membantu para pelajar meningkatkan kemahiran kebolehpekerjaan dan dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan. Inisiatif daripada pihak KPT dapat membantu meningkatkan beberapa kemahiran graduan seperti kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan beberapa kemahiran insaniah yang lain dan dapat melahirkan graduan yang bersesuaian dengan pasaran kerja. Pihak kerajaan dan juga swasta sedikit sebanyak membantu pelajar lepasan universiti untuk menjalani latihan kerjaya dan intensif seperti PENJANA, MYStep, Protegee dan banyak lagi. Program sebegini dapat membantu para graduan untuk mendapatkan latihan dan kemahiran yang secukupnya.

Seterusnya, para pelajar juga hendaklah sentiasa peka dengan program yang dapat meningkatkan nilai tambah pelajar dengan menyertai program-program yang telah dijalankan oleh pihak universiti dan KPT bagi memastikan setiap pelajar bukan hanya mendapat pendidikan akademik semata-mata tetapi juga dapat meningkatkan kemahiran kebolehpekerjaan. Menurut Md. Asrul Nasid Masrom (2020), dalam berhadapan dengan dunia yang semakin mencabar, pelajar tidak boleh hanya duduk diam dan bergoyang kaki dalam zon selesa dengan bergantung sepenuhnya berlandaskan ilmu dalam kuliah semata-mata.

Kemahiran kebolehpekerjaan amat penting untuk dipelajari kerana kemahiran ini dapat membantu pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi ke dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar. Tambahan pula, pelajar universiti juga seharusnya bijak dalam membuat perancangan untuk mencipta perniagaan sendiri untuk menampung kehidupan pasca pandemik ini. Menurut Berlin (2018), bagi mencipta sebuah perniagaan yang berjaya, seseorang usahawan hendaklah membuat keputusan yang meyakinkan berdasarkan maklumat yang kukuh. Ini bermaksud untuk memastikan perniagaan yang mampan, seseorang usahawan itu hendaklah merujuk dengan seseorang yang arif agar maklumat yang diperolehi dipercayai dalam pembuatan keputusan.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini telah menggunakan instrumen soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data kajian. Instrumen bagi kajian ini mengandungi 41 jumlah item. Data bagi kajian ini dikumpul menggunakan dua kaedah iaitu kaedah dalam talian dan kaedah bersemuka. Pengumpulan data kajian yang digunakan melalui borang set soal selidik yang menggunakan format jawapan berbentuk skala *Likert*. Dalam kajian ini, responden adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir IPTA dan IPTS di Sabah.

Dalam penyelidikan ini, pemilihan responden dipilih menggunakan teknik persampelan secara rawak. Responden bagi kajian ini adalah seramai 345 orang pelajar daripada 10 buah IPT di Sabah iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Politeknik, North Borneo University College (NBUC), AMC College, Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Cyberjaya College, Mahsa College dan Open University Malaysia (OUM). Pemilihan responden ini dipilih adalah disebabkan responden memenuhi kriteria yang telah ditetapkan seperti menuntut di mana-mana IPT di Sabah sama ada IPT Awam mahupun IPT Swasta.

Soal selidik yang digunakan untuk menguji pemboleh ubah adalah instrumen penglibatan pelajar dalam program *upskilling*, instrumen kebimbangan kerjaya masa hadapan dan instrumen kesediaan bekerja. Bagi instrumen penglibatan pelajar dalam program *upskilling*, instrumen ini telah diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Getrude *et al.* (2020) yang mengukur elemen kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, kreativiti, kemahiran berfikir dan juga bekerjasama. Bagi instrumen kebimbangan kerjaya masa hadapan pula instrumen ini diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Mahmud *et al.* (2020). Akhir sekali, bagi instrumen kesediaan bekerja, pengkaji mengubahsuai dan mengadaptasi instrumen daripada Jyothirmayee dan Desai (2017). Tujuan pengubahsuaian ini dilakukan adalah untuk memastikan responden memahami kehendak soalan dan sesuai dengan konteks tempatan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

**Jadual 1:** Demografi Responden

Pemboleh ubah	Bilangan (orang)	Peratus (%)	Min	Sisihan piawai
Jantina				
Lelaki	159	46.1		
Perempuan	186	53.9		
Tahap Pendidikan				
Diploma	99	28.7	1.71	0.45
Ijazah Sarjana Muda	246	71.3		
Jenis Institusi Pengajian Tinggi				
IPTA	269	78		
IPTS	76	22		
Senarai Institusi Pengajian Tinggi (IPT)				
IPT Swasta				
AMC College	13	3.8		
Cyberjaya College	14	4.1		
Mahsa College	12	3.5		

North Borneo University College (NBUC)	17	4.9		
Open Universiti Malaysia (OUM)	2	0.6		
Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR)	14	4.1		
IPT Awam (IPTA)				
Institut Pengajian Guru Kampus Gaya (IPGK Gaya)	16	4.6		
Politeknik	27	7.8		
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	204	59.1		
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	26	7.5		

Jadual 1 menunjukkan seramai 345 orang responden daripada 10 buah IPT di Sabah turut serta dalam kajian. Majoriti responden adalah perempuan, 186 orang (53,9%) dan 159 (46.1%) orang lelaki. Bagi tahap pendidikan pula, seramai 99 orang (28.7%) pelajar diploma dan 246 orang (71.3%) pelajar ijazah Sarjana Muda. Nilai min tahap pendidikan adalah (min=1.71;SP=0.45). Seramai 269 orang (78%) responden daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 76 orang (22%) responden daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Bagi IPT yang terlibat pula, sebanyak 10 buah IPT yang terlibat dalam kajian ini. Antaranya IPGK Gaya, Politeknik, UMS dan UiTM. IPTS yang terlibat pula adalah AMC College, Cyberjaya College, Mahsa College, NBUC, UNITAR dan OUM. Bilangan pelajar yang mengikuti kajian ini mengikut IPTA/S adalah seperti dalam Jadual 1.

Dari segi analisis inferensi, analisis regresi mudah digunakan bagi menguji pengaruh ketahanan sendiri terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2:** Analisis Regresi Mudah Bagi Mengkaji Pengaruh penglibatan program upskilling terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh pandemik COVID-19

Peramal	Kesediaan Bekerja			
	R	R <sup>2</sup>	B	Sig
Penglibatan Program <i>Upskilling</i>	.75	.56	.75	.001

Berdasarkan Jadual 2, ujian analisis regresi mudah digunakan untuk mengkaji pengaruh penglibatan program *upskilling* terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh pandemik COVID-19. Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh penglibatan program *upskilling* terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh pandemik COVID-19. Dalam kajian ini, skor pengaruh penglibatan program *upskilling* yang tinggi menunjukkan sikap responden yang positif terhadap kesediaan bekerja. Justeru, kajian juga menunjukkan semakin tinggi penglibatan pelajar dalam program upskilling, maka semakin tinggi kesediaan mereka untuk bekerja. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor lain yang mendorong pelajar untuk lebih bersedia dalam mendapatkan pekerjaan dengan melengkapkan diri mereka dengan kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran berkomunikasi yang baik, bekerjasama, membuat keputusan, berfikiran kreatif dan kritis.

Hasil kajian ini juga didapati selari dengan kajian Jyothirmayee dan Desai (2017) di mana kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar tahun akhir yang sudah bersedia dari segi kemahiran dan mempunyai keyakinan yang tinggi dalam usaha untuk meneroka alam pekerjaan lebih bersedia untuk mencari pekerjaan selepas bergraduat kelak. Oleh itu, pihak KPT perlu memberi penekanan terhadap

program pembangunan insaniah yang dapat menambah pengalaman dan meningkatkan kemahiran.

Menurut Cabellero *et al.* (2011), kesediaan bekerja adalah satu penanda aras bagi graduan yang mempunyai sikap yang boleh mendorong mereka untuk lebih bersedia di tempat kerja kelak. Berdasarkan kajian lepas yang dibincangkan menunjukkan kemahiran kebolehpekerjaan penting bagi meningkatkan kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta. Hal ini disokong oleh (Razak *et al.*, 2014; Getrude *et al.*, 2020), pihak majikan akan melihat penguasaan kemahiran dalam kalangan graduan dan memberi penekanan terhadap kemahiran berkaitan dengan pekerjaan antaranya komunikasi, pemikiran kritis, kolaborasi dan kreativiti untuk mendapatkan pekerjaan.

Kemahiran kebolehpekerjaan dititikberatkan oleh majikan kerana mereka inginkan pekerja yang cekap dan mahir dalam bidang yang berkaitan seperti kemahiran teknologi maklumat, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah. Justeru, kemahiran kebolehpekerjaan ini juga amat penting untuk dijadikan nilai tambah sebelum pelajar tahun akhir melangkah ke alam pekerjaan. Kebimbangan pelajar tahun akhir terhadap kerjaya masa hadapan mereka juga mempengaruhi kesediaan bekerja dalam kalangan graduan.

**Jadual 3:** Analisis Regresi Mudah Bagi Mengkaji pengaruh kebimbangan kerjaya masa hadapan terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh pandemik COVID-19

Peramal	Kesediaan Bekerja			
	R	R <sup>2</sup>	B	Sig
Kebimbangan Kerjaya	.42	.18	.42	<.001

Berdasarkan Jadual 3, ujian analisis regresi mudah digunakan untuk mengkaji pengaruh kebimbangan kerjaya terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh pandemik COVID-19. Dalam kajian ini, skor pengaruh kebimbangan kerjaya masa hadapan yang tinggi menunjukkan sikap responden yang positif terhadap kesediaan bekerja. Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan semakin tinggi kebimbangan kerjaya masa hadapan pelajar, maka semakin tinggi kesediaan mereka untuk bekerja. Hal ini mungkin disebabkan oleh persaingan yang wujud dalam pencarian pekerjaan, isu lambakan graduan di pasaran kerja serta faktor kewangan ekoran daripada pandemik COVID-19.

Kajian ini didapati selari dengan kajian daripada Boo *et al.* (2021), dimana kajian tersebut mendapati kesesuaian kerjaya sebahagiannya berkaitan dengan kebimbangan kerjaya. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai kesesuaian kerjaya yang tinggi kurang berasa bimbang terhadap kerjaya mereka berbanding pelajar yang mempunyai kesesuaian kerjaya yang rendah. Sebagai contoh, kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan bidang jurusan yang di ambil semasa berada di universiti. Selain itu, Menurut Mohamed, Mohd Isa dan Shafii (2007), mahasiswa yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi dapat membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan dalam tempoh yang singkat. Kemahiran tersebut adalah seperti kebolehan bekerja sendiri, kemahiran teknologi maklumat (IT), kepimpinan, mudah menyesuaikan diri, kemahiran intelektual dan tindakan awal yang diambil.

Pengalaman bekerja merupakan antara perkara utama yang dilihat ketika ingin memohon sesebuah jawatan walaupun hanya pengalaman daripada latihan industri. Kajian lepas juga mendapati pengalaman dan kemahiran merupakan kriteria penting bagi memudahkan graduan untuk mendapatkan pekerjaan (Himle *et al.*; Ismail, 2012). Kajian ini juga disokong oleh Arsat dan Rashid (2010) dimana pengalaman dapat memberikan keyakinan terhadap kerjaya masa hadapan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penglibatan pelajar dalam program *upskilling* amat penting untuk membantu pelajar terutamanya pelajar tahun akhir untuk meningkatkan kemahiran dan nilai tambah sebagai persediaan untuk memasuki bidang pekerjaan. Secara amnya, semua pihak terutamanya bakal graduan perlu menitikberatkan penguasaan kemahiran insaniah yang dapat membantu bakal graduan dalam pencarian pekerjaan kelak. Majikan pada hari ini bukan sahaja ingin mencari pekerja yang mempunyai kelayakan akademik tetapi juga mempunyai kemahiran tambahan yang bersifat global yang dapat membantu meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi.

Dapatan kajian ini diharap agar dapat memberikan kesedaran akan kepentingan melibatkan diri dalam program *upskilling* dalam kalangan pelajar dan kesediaan pelajar dalam mendepani cabaran dunia pekerjaan. Selain itu, para pelajar juga perlu bersiap sedia fizikal dan mental dalam mendepani dunia pekerjaan yang makin mencabar. Individu yang menghadapi masalah kebimbangan yang tinggi terutamanya kebimbangan pada kerjaya masa hadapan perlu diatasi bagi memudahkan mereka untuk bersedia mencari pekerjaan. Individu yang menghadapi masalah kebimbangan yang tinggi terutamanya kebimbangan pada kerjaya masa hadapan perlu diatasi bagi memudahkan mereka untuk bersedia mencari pekerjaan. Maka dengan itu, bakal graduan haruslah bijak dalam membuat perancangan dan mengikuti *trend* pasaran kerja.

Bagi pihak industri pula, dapatan kajian ini diharap agar dapat membantu dalam mengenalpasti aspek psikologikal yang dapat menyumbang kepada kesediaan pelajar sebelum memasuki industri tempatan mahupun antarabangsa. Pelaksanaan program seperti *upskilling* dan *reskilling* juga diharapkan dapat meningkatkan nilai tambah graduan agar dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan produktif bukan sahaja dari bidang akademik tetapi dari bidang pembangunan sahiah juga.

## PENGHARGAAN

Saya akui bahawa penyertaan saya dalam penyelidikan ini adalah pilihan saya sepenuhnya dan saya mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan saya pada bila-bila masa sahaja dengan alasan yang munasabah, dan tanpa dikenakan sebarang denda atau bayaran. Saya akui bahawa salinan kebenaran berkaitan penyelidikan ini akan diberikan kepada saya. Saya dengan sukacita memilih untuk menyertai penyelidikan ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak semasa pentadbiran soal selidik ini dijalankan.

## RUJUKAN

- Arsat, M. & Rasid, N. A. (2010). *Faktor Kesediaan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik Dalam Pembentukan Kerjaya*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Cabellero, C. L., Walker, A. & Fuller, T. M. (2011). The work readiness scale (WRS): Developing a measure to assess work readiness in college graduates. *Journal of Teaching and Learning for Graduate Employability* 2(2): 41-54.
- Getrude Cosmas, Shazia Iqbal Hashmi, Chua Bee Seok, Norhamidah Jarimal & Mohd Norhisham Mahmud. (2020). Job-Related Skills And Its Relationships With The Big-5 Personality Traits In Industrial Revolution 4.0: A Study Focused On Arts And

- Science Students' Perspectives. *Journal Of Social Science Advanced Research*, 1(2), 1-25.
- Himle, J. A., Weaver, A., Bybee, D., O'Donnell, L., Vinka, S., Laviolette, W., Steinberger, E., Zipora, G., & Levine, D. S. (2015). A Comparison of Unemployed Job-Seekers With and Without Social Anxiety. *Psychiatr Serv.* 65(7), 924-930. <https://dx.doi.org/10.1176%2Fappi.ps.201300201>
- Ishak Yusoff, Rahmah Ismail & Robiah Sidin. (2008). Graduan dan Alam Pekerjaan : Kes Siswazah UKM. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 72(1), 3 - 24.
- Ismail, M. H. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII) Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju*. Ipoh, Perak. 906 – 913.
- Jyothirmayee, R. & Desai, K. (2017). Meas Measurement of employability skills and job readiness perception of post-graduate management student's: Results from a pilot study. *International Journal in Management and Social Science* 5(8): 82-94.
- Md. Asrul Nasid Masrom. (2020). Cabaran Baharu Mahasiswa Jalani Latihan Industri di Era Pandemik COVID-19. <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/07/>
- Mohamed, A., Mohd Isa, F. L., Shafii, H. (2007). Kemahiran Di Kalangan Graduan Sebagai Kriteria Penting Pasaran Tenaga Kerja: Kajian Kes Graduan Fakulti Kejuruteraan, UKM. *Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Shafry Mohd Rahim. (2020). Cabaran Kebolehpasaran Graduan Pasca COVID-19. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1847435>
- Muhammad Wafi Ramli, and Sharifah Rohayah Sheikh Dawood, (2020) *Faktor tekanan dalam kalangan pelajar Universiti Sains Malaysia: satu tinjauan awal*. e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 17 (7). pp. 66-76. ISSN 1823-884x
- Nur Hamizah, R., Masoumeh, A., Seyed Abolghasem, M., & Atefeh, A. (2018). Academic Stress and Self-Regulation Among University student's in Malaysia: